

## **Kajian Lanjutan Fonem Melayu Purba di Sungai Pahang**

**Muhammad Norsyafiq Zaidi<sup>1,2\*</sup>, Rahim Aman<sup>2</sup> dan Shahidi A. Hamid<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Jabatan Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Prince of Songkla, Kampus Pattani, 94000, Thailand*

<sup>2</sup>*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000, Selangor, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kajian ini memfokuskan kepada pembinaan semula bentuk-bentuk fonem konsonan purba yang dituturkan oleh masyarakat Melayu yang menetap di sepanjang lembangan Sungai Pahang. Penelitian berbentuk kualitatif dimanfaatkan dalam kajian ini dan dipadankan dengan usaha cerapan data di lapangan melalui proses temu bual. Proses cerapan data ini dilaksanakan dengan merakam bentuk-bentuk pertuturan yang ditransliterasikan kepada bentuk simbol bunyi. Untuk analisis data, kajian telah menggunakan kerangka Teori Rekonstruksi untuk membina semula fonem-fonem yang berpotensi untuk diangkat sebagai fonem purba, melibatkan sekurang-kurangnya 18 fonem termasuk \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*tʃ, \*dʒ, \*s, \*ʎ, \*h, \*l, \*j dan \*w. Empat perkara utama disentuh dalam bahagian perbincangan, termasuk dapatan fonologi daripada kajian terdahulu, isu pensampelan informan, serta status terkini penelitian diakronik di Sungai Pahang. Kajian ini menekankan kepentingan metodologi yang saksama dalam pemilihan informan bagi memastikan data yang dikumpulkan adalah sahih dan relevan. Penelitian ini memberikan sumbangan

signifikan kepada bidang linguistik dengan melaksanakan rekonstruksi fonologi yang komprehensif, membantu dalam memahami evolusi dan penyebaran dialek Melayu di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, hasil dapatan ini memerlukan penelitian lanjut berkenaan vokal dialek Melayu Sungai Pahang sebelum ujian kekerabatan menggunakan teori klasifikasi antara Malayik purba (MP) dengan dialek Melayu Pahang purba (DMPP) serta intervariansnya dapat dilaksanakan.

### **ARTICLE INFO**

#### *Article history:*

Received: 07 September 2024

Accepted: 21 January 2025

Published: 26 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.3.17>

#### *E-mail addresses:*

[muhammad.n@psu.ac.th](mailto:muhammad.n@psu.ac.th) (Muhammad Norsyafiq Zaidi)

[tuntas@ukm.edu.my](mailto:tuntas@ukm.edu.my) (Rahim Aman)

[zedic@ukm.edu.my](mailto:zedic@ukm.edu.my) (Shahidi A. Hamid)

\*Corresponding author

*Kata kunci:* Dialek Melayu, fonem proto, konsonan, rekonstruksi, Sungai Pahang

## ***An Extended Study of Proto-Malay Phonemes Along the Pahang River***

### **ABSTRACT**

*This study focuses on the reconstruction of ancient phoneme forms spoken by the Malay ethnic group residing along the Pahang River basin. A qualitative research approach is utilized in this study, combined with field data collection through interviews. This data collection process involves recording speech forms, which are then transliterated into phonetic symbols. For data analysis, the study employs the Reconstruction Theory framework to reconstruct phonemes that have the potential to be identified as ancient phonemes, involving at least 18 phonemes including \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ɲ, \*ʃ, \*dʒ, \*s, \*y, \*h, \*l, \*j, and \*w. Four main issues are addressed in the discussion section, including findings from previous phonological studies, issues of informant sampling, and the current status of diachronic research in the Pahang River area. The study emphasizes the importance of a meticulous methodology in selecting informants to ensure that the collected data is valid and relevant. This research significantly contributes to the field of linguistics by providing a comprehensive phonological reconstruction, aiding in the understanding of the evolution and spread of the Malay dialect in the area. However, this achievement requires further research on the vowels of the ancient Pahang Malay dialect before kinship tests can be conducted through the classification theory between Proto-Malayic (MP) and the Proto-Pahang Malay Dialect (DMPP) and its variants.*

Keywords: *Consonant, Malay dialect, Pahang River, proto phoneme, reconstruction*

---

### **PENGENALAN**

Kependudukan etnik Melayu di sepanjang Sungai Pahang ini telah dikatakan sudah berkurun lamanya. Penemuan artifak-artifak di kawasan Sungai Pahang merupakan indikator bahawa masyarakat Melayu telah sekian lama menetap di kawasan tersebut. Berdasarkan laporan Linehan (1928a, 1928b, 1930, 1951), penemuan arkeologi di sepanjang Sungai Pahang, dapat dianggarkan bahawa aktiviti manusiawi sudah pun bermula lebih dari 60,000 tahun yang lalu menyaksikan perkembangan tamadun kecil etnik peribumi Melayu di kawasan tersebut.

Pelbagai teori daripada bidang linguistik murni mahupun linguistik gunaan diaplikasikan dalam menterjemah pergerakan manusia dahulu kala di kawasan

ini. Antara yang terkenal adalah seperti teori migrasi makro *Out of Sundaland* yang diasaskan oleh Stephen Oppenheimer (Ramli & Sulaiman, 2017). Dengan menggunakan apparatus dan metodologi linguistik sejarawi, migrasi manusia di sesebuah tempat dapat diramal dengan lebih tepat. Oleh yang demikian, kajian ini dikhususkan untuk mencerap data dialek Melayu di sepanjang Sungai Pahang bagi tujuan pendokumentasian dan penganalisan konsonan purba dari sudut linguistik sejarawi dengan menggunakan kerangka teori rekonstruksi.

### **ULASAN LITERATUR**

Kajian ini akan membincangkan ulasan literatur berdasarkan dua tema, iaitu tema migrasi manusia berdasarkan dua teori

linguistik dan juga tema berkaitan pemerian kajian deskriptif berkaitan ciri dialek Pahang.

### **Migrasi Manusia: Teori Fonologi dan Teori Rekonstruksi**

Omar (2015b) telah membicarakan tentang hub penyebaran dialek Pahang yang berpusat di kawasan Pekan. Pegangan yang dibawa beliau secara implisit memberikan suatu hipotesis berkaitan pergerakan manusia yang dianggap telah “bermastautin” di kawasan tersebut berdasarkan ciri-ciri ketamadunan yang digariskan oleh Collins (1999). Hal ini menjadikan Pekan sebagai poin penyebaran utama penutur dialek Pahang ke kawasan-kawasan berhampiran dengannya. Ia diperkukuhkan lagi dengan hipotesis perubahan fonologi secara berpola yang menyatakan bahawa perubahan fonologi di kawasan Sungai Pahang akan kian berubah sehingga ke kawasan hulu (Hussein, 1973). Dapatan yang dikemukakan telah membantu secara kasar dalam pergerakan manusia di kawasan Sungai Pahang pada suatu ketika dahulu.

Pengelompokan berdasarkan bukti fonologi dialek Melayu di Semenanjung Malaysia telah dilaksanakan secara kasar. Sebagai contoh, Hussein (1973) telah mengelompokkan dialek-dialek di Semenanjung Malaysia (termasuk dialek Pattani) berdasarkan persamaan ciri-ciri fonologi dengan menggunakan garis sempadan politik sebagai ‘isoglos’. Beliau telah mengasingkan dialek Pahang atas dasar kerencaman ciri fonologi. Tidak banyak perkara yang disentuh oleh beliau

dalam mengurai ciri yang rencam tersebut. Hal ini, walau bagaimanapun telah dibantu oleh Omar (2015b) dalam memerikan ciri-ciri tersebut namun terbatas dalam kerangka ‘isoglos’ yang berbentuk kedaerahan.

Usaha Omar (2015b) dalam mengurai ciri-ciri fonologi dialek Melayu Pahang telah membantu bidang rekonstruksi untuk memahami keadaan sebenar landskap fonologi di negeri Pahang. Pemerian yang bersifat kedaerahan walau bagaimanapun telah menyasarkan keadaan sebenar berkaitan sejarah migrasi manusia terdahulu. Hal ini telah dinyatakan secara eksplisit oleh Hussein (1973) berkaitan perubahan berpola di kawasan Sungai Pahang. Ia telah memberi indikator bahawa masyarakat dahulu kala telah menggunakan kawasan tersebut sebagai penempatan dan juga jalan perhubungan. Namun, tidak semua perihal yang dinyatakan Hussein dipersetujui oleh sarjana linguistik terutama berkaitan pengelompokan dialek Pahang.

Hujah-hujah yang diutarakan beliau bersifat impresionistik (Hasrah et al., 2014; Saari et al., 2022). Dapatan Collins (1983a, 1983b) menunjukkan bahawa dialek Pahang di daerah Temerloh sendiri sudah mempunyai subdialek-subdialeknya yang tersendiri dan dikelaskan dalam kelompok-kelompok kecil. Che Kob (2008) turut membawa nuansa yang sama apabila beliau cuba untuk menolak pengelompokan dialek Kelantan-Pattani-Terengganu yang dikelompokkan Hussein (1973). Ketiga-tiga negeri ini mempunyai subdialek-subdialeknya yang tersendiri. Dialek Pekan di beberapa buah tempat turut mempunyai

elemen-elemen yang dimiliki dialek Terengganu (Collins, 1989).

Metode yang sama telah dipraktikkan dalam kajian Omar (2015b) apabila beliau telah menggunakan garis sempadan politik sebagai garis pemisah linguistik. Pendekatan yang dilaksanakan oleh Collins (1983a, 1983b), Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021) dan Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023) dalam memilih lokasi kajian adalah dengan mengambil kira faktor geografi sebagai penyebab utama kepada perubahan fonologi. Lembangan sungai dan kawasan persisiran pantai ialah tempat ketamadunan manusia dibentuk (Bailey, 2004; Collins, 1999) dan ia telah menterjemah ciri perubahan yang berpola tersebut dalam berdasarkan sebab kepada kejadian berkenaan.

Kemudian, pendekatan linguistik sejarawi pula diterapkan ke atas penelitian dialektal di Sungai Pahang. Antara kajian yang berkait rapat dengan tema rekonstruksi adalah daripada kajian Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021) dan Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023). Usaha yang dilaksanakan telah berjaya menemukan unsur inovasi antara bentuk purba dialek di kawasan yang dikaji dengan binaan purba yang jauh lebih awal daripadanya, iaitu Malayik Purba yang dibina Adelaar (1992). Walaupun kedua-dua kajian ini berbentuk mikroskopik, dengan Hasrah et al. (2014) memberi tumpuan kepada kawasan hulu Sungai Pahang (Lipis), Zaidi et al. (2021) dan Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023) menjalankan kajian di lembangan tengah Sungai Pahang, khususnya di Jerantut, namun mereka masih

mampu mengklasifikasikan varian yang wujud dalam kluster masing-masing.

Beberapa aspek khususnya bunyi konsonan nasal pada posisi akhir kata dalam Malayik purba (MP) seperti yang dihuraikan oleh Adelaar (1992) perlu diberi perhatian khusus terhadap taburannya dalam varian di kawasan Sungai Pahang. Secara umum, bunyi nasal purba Malayik pada posisi akhir kata, seperti \*m, \*n, dan \*ŋ, merupakan sebahagian daripada ciri konsonan dalam MP. Ciri-ciri ini berpotensi diwarisi oleh bahasa-bahasa turunannya, termasuk dalam kelompok dialek Melayu di kawasan Sungai Pahang. Sebagai bukti, Omar (2015b) pernah melaporkan kewujudan konsonan nasal pada posisi akhir kata di kawasan hilir Sungai Pahang. Indikator awal ini mampu memberikan gambaran berkaitan ciri retensi yang diserap dalam bahasa proto yang terkemudian, khususnya dialek Melayu Sungai Pahang purba.

Dalam konteks bunyi lain pula, Adelaar (1992) turut menyatakan bahawa sistem bahasa Melayu standard tidak menunjukkan kehadiran semi vokal pada posisi awal kata. Namun, menurut beliau, kehadiran ini dapat berlaku dalam keadaan morfologi yang kompleks ataupun dalam bentuk yang bersifat pengecualian. Sebagai contoh, beliau merujuk kepada kata hubung 'yaitu' yang secara sejarahnya terbentuk daripada gabungan 'ia' dan 'itu', lalu membentuk 'iaitu' yang telah mengalami penyederhanaan dalam bahasa Melayu standard masa kini. Begitu juga dengan kata 'yang' yang mempunyai asal morfologi serupa.

Dalam hujahnya mengenai semi vokal -w- pula, Adelaar menjelaskan bahawa penyebaran bunyi ini terhad pada posisi tengah kata. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberikan contoh yang lebih konkrit untuk menyokong pernyataan ini. Hal ini sedikit sebanyak menimbulkan persoalan lanjut tentang sebab-sebab kehadiran ataupun ketiadaan semi vokal pada posisi tertentu dalam sistem bahasa Melayu standard. Tambahan pula, data yang dirujuk oleh beliau kebanyakannya bersumberkan kamus yang telah dirumikan. Pendekatan ini, meskipun sah dan praktikal, barangkali menghadkan ruang lingkup pemerhatian beliau hanya kepada bentuk standard bahasa Melayu, sekali gus tidak mengambil kira potensi variasi yang wujud dalam dialek-dialek lain di bawah rumpun bahasa Melayu.

Penemuan Hasrah et al. (2014) menunjukkan kehadiran fonem /ɣ/ tetapi tidak bagi bunyi /ɣ/ di kawasan hulu Sungai Pahang. Selain itu, penemuan nasal akhir dalam Omar (2015b) bertentangan dengan penemuan Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021) dan Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023). Meskipun berbeza dari sudut tarikh kajian<sup>2</sup>, namun perubahan fonologi tidak berlaku secara sepiantas yang disangkakan. Ia mengambil masa sekurang-kurangnya 200 tahun untuk sesuatu bahasa ataupun dialek itu mengalami perubahan fonologi

<sup>1</sup> Simbol transkripsi fonetik yang digunakan, iaitu "/ /", merujuk kepada unsur fonemik, manakala simbol sesiku "[ ]" akan digunakan untuk dua tujuan, iaitu penandaan unsur alofonik dan juga unsur leksikal.

<sup>2</sup> Buku hasil penyelidikan Omar (2015b) merupakan edisi yang diperbaharui. Kajian tersebut telah dilaksanakan beberapa tahun sebelumnya.

(Inoue, 2010). Hasil kajian menunjukkan bahawa perubahan fonologi yang berlaku ke atas varian di sepanjang kawasan kajian selaras dengan hipotesis yang dikemukakan oleh Hussein (1973) bahawa perubahan fonologi secara berpola berlaku di sepanjang Sungai Pahang.

### **Pemerian Berkaitan Ciri Asas Dialek Pahang Berdasarkan Spektrum Fonologi**

Dialek adalah sebuah variasi kebahasaan yang terbentuk dalam jaringan komuniti (Jiang et al., 2020). Kewujudannya sebagai wadah komunikasi semata menjadi penghadang untuk ia terbentuk dalam struktur yang lebih sistemik seperti dalam bentuk tulisan dan perkamusan (Sierociuk, 2021). Meskipun begitu, sarjana tidak memandang perkara tersebut sebagai suatu kelemahan bahkan ia menjadi isu yang penting untuk ditekuni.

Kajian dialektal Melayu di sepanjang Sungai Pahang telah menjadi topik yang senantiasa berbangkit saban tahun. Sebahagian besar penelitian terkini menyentuh isu tersebut dengan menggunakan kerangka teori fonologi. Berpandukan kepada teori tersebut, sarjana telah berjaya memberikan gambaran berkaitan ciri fonologi beberapa subdialek di negeri Pahang. Omar (2015b) antara sarjana yang telah mendokumentasikan sistem bunyi di beberapa lokasi terpilih di sekitar negeri Pahang. Hasil yang ditemukan antaranya adalah berkaitan dengan pengejalan konsonan nasal pada posisi akhir kata dalam subdialek Pekan. Sekiranya dibandingkan dengan dapatan

bahasa Melayu standard Adelaar (1992), maka kedua-duanya memiliki persamaan dari sudut kehadiran [+nasal] pada posisi akhir kata.

Saari et al. (2022) telah menjalankan kajian rentas bidang; berjaya memetakan penyebaran ciri fonologi di sekitar Pekan. Cebisan dapatan yang dilaporkan beliau senada dengan kajian Omar (2015b) berkaitan pengekalan unsur konsonan nasal pada akhir kata khususnya di kawasan Pekan, Pahang. Tiga buah kawasan penelitiannya secara seragam mengekalkan ciri [+nasal] pada posisi akhir kata seperti dalam contoh leksikal berikut; [a.jãm] dan [a.jam]. Penelitian tersebut menggunakan kaedah pemetaan digital; membolehkan ciri penyebutan dapat dikenal pasti dalam skop kawasan penelitiannya.

Kaedah yang sama turut diaplikasikan oleh Kasdan et al. (2019) dalam usaha untuk melakukan penilaian pemilihan perkataan yang diujarkan oleh penduduk setempat di kawasan Pekan, Pahang dan memetakan taburan penggunaan perkataan tersebut dalam peta digital. Laporan yang disusun memaparkan responden mempunyai kecenderungan ke atas leksikal-leksikal yang bercirikan [-nasal] pada posisi akhir kata. Jika dibandingkan dengan dapatan Saari et al. (2022) dalam perenggan sebelumnya, terdapat pertindanan dapatan yang memerlukan diskusi lanjutan, khususnya berkaitan kehadiran konsonan nasal pada posisi akhir kata di kawasan Pekan, Pahang.

Hasrah et al. (2014) dan Zaidi et al. (2021) turut menyentuh perihal ciri

fonologi dialek Melayu di Sungai Pahang. Setiap daripada lokasi-lokasi yang diteliti mempunyai darjah perbezaan ciri fonologi yang agak minimal. Namun, dari satu sudut, bilangan konsonan antara kedua-dua kajian tersebut adalah sama dan tidak ada perbezaan. Sebagai kontras kepada kajian Hasrah et al. (2014) dan Zaidi et al. (2021), kedua-duanya melaporkan unsur [-nasal] pada posisi akhir kata. Antara ciri lain yang menarik dilaporkan oleh Hasrah et al. (2014) antaranya adalah berkaitan pengekalan konsonan geseran langit keras bersuara /ɣ/ dalam varian di hulu Sungai Pahang.

Adelaar (1992) menyatakan bahawa kehadiran /w/ dan /j/ dalam bahasa Melayu hanya terdapat pada posisi tengah kata sahaja. Oleh itu, beberapa kajian seperti Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021), dan Che Rosdi et al. (2023) telah menggunakan pandangan ini sebagai panduan. Adelaar (1992) merujuk kepada kamus lama bahasa Melayu, seperti kamus R. J. Wilkinson (1901), untuk merekonstruksikan Proto-Malayik. Walau bagaimanapun, kamus tersebut yang diselaraskan daripada tulisan Jawi ke Rumi mungkin mengalami keterbatasan dalam mendokumentasikan leksikal yang memiliki ciri kehadiran konsonan semi vokal pada posisi awal.

Sebaliknya, Blust et al. (2023) melaporkan kehadiran konsonan semi vokal pada posisi awal dan tengah kata dalam data raya leksikal purbanya dengan menyediakan sejumlah besar contoh leksikal. Tambahan pula, Omar (2015b) menyatakan bahawa bahasa Melayu purba mempunyai bunyi ini pada posisi awal dan tengah, berdasarkan

bukti kehadirannya dalam dialek-dialek di bawah cabangan bahasa purba tersebut. Oleh yang demikian, varian yang wujud di bawah cabangan bahasa Melayu seharusnya mempunyai konsonan semi vokal ini pada posisi awal kata, meskipun dalam bentuk yang kompleks.

### Asas Kajian Melayu Purba

Dalam kajian binaan purba khususnya bahasa Melayu, terdapat dua sumber model bahasa purba utama yang sering menjadi rujukan: Malayik purba (MP; Adelaar, 1992) dan bahasa Melayu induk (BMI; Omar, 2015b). Kajian yang menggunakan model BMI sebagai komponen perbandingan tidak banyak dilakukan, namun BMI tetap menjadi rujukan penting bagi para sarjana dalam meneliti hubungan sejarah antara bahasa ataupun dialek purba dalam lingkungan isolek Melayu. Sebaliknya, Adelaar (1992) lebih banyak digunakan dalam kalangan pengkaji dialektologi diakronik, terutama mereka yang meneliti isolek Sungai Pahang. Dua kajian terdahulu yang menonjol merupakan kajian daripada Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021), dan Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023) yang masing-masing memfokuskan kepada ciri linguistik sejarah bagi cabangan dialek Sungai Pahang.

Proto-Austronesian (PAN) merujuk kepada bahasa nenek moyang dalam keluarga Austronesia yang tersebar luas dari Taiwan hingga ke kepulauan Pasifik dan Madagascar. Otto Dempwolff merupakan tokoh perintis dalam merekonstruksi PAN melalui kajian sistematik terhadap perubahan

bunyi bahasa-bahasa Austronesia (Blust et al., 2023). Beliau turut merekonstruksi Proto-Malayo-Polinesia (PMP), iaitu cabang PAN yang merangkumi bahasa-bahasa di Asia Tenggara maritim dan kepulauan Pasifik. Kajian ini menjadi asas linguistik perbandingan Austronesia, dengan penekanan kepada analisis fonologi dan leksikal.

Blust et al. (2023) meneruskan usaha Dempwolff dengan menambah data baharu dari lebih banyak bahasa Austronesia dan menggunakan pendekatan moden. Penyelidikan ini bersifat makroskopik, memfokuskan rekonstruksi PAN dan PMP, sekali gus memperkukuh data-data yang dihimpunkan oleh Dempwolff. Dedikasi Blust et al. (2023) terserlah dalam melestarikan bidang kajian linguistik sejarawi ini apabila beliau turut membangunkan kamus maya sebagai alat bantu yang membolehkan sarjana menggunakan sumber penyelidikan tokoh linguistik ini untuk tujuan yang tidak terjangkau fungsinya.

Namun begitu, penelitian di peringkat PAN dan PMP bersifat terlalu umum (makroskopik), menyebabkan ciri-ciri isolek Melayu tidak dapat diterangkan secara mendalam. Oleh itu, MP menjadi pilihan terbaik untuk memerikan ciri fonologi purba dalam dialek Melayu Pahang purba (DMPP). Melalui model MP, kajian ini berharap agar ciri fonologi yang membezakan antara MP-DMPP dapat diserlahkan, seterusnya meningkatkan pemahaman tentang inovasi linguistik yang berlaku dalam isolek purba di peringkat yang lebih rendah. Hal ini sekali

gus membuka ruang kepada penelitian lanjutan untuk memahami evolusi dialek-dialek Melayu secara lebih terperinci melalui pendekatan linguistik sejarawi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memerlukan keterlibatan informan dalam sesi temu bual. Bagi penentuan informan, pengkaji telah menggariskan tiga ciri informan yang dapat disesuaikan dengan ciri-ciri yang diketengahkan oleh Ayatrohaedi (1979) dan Chambers dan Peter (2004), iaitu mereka yang natif, lengkap anggota artikulasinya, berusia emas (berumur 50 tahun dan ke atas) dan tidak nomad. Bilangan informan yang mewakili setiap lokasi kajian ialah seorang sahaja selaras dengan pandangan Omar (2015a, m.s. 54-55), "...Informan-informan yang saya gunakan bagi satu-satu bahasa itu hanya satu atau dua orang sahaja." Distribusi gender bagi informan adalah terbuka kerana perbezaan penyebutan antara gender hanyalah berbeza dari sudut kelangsingan dan tidak menjejaskan ciri fonem ataupun alofon yang diujarkan melainkan melalui penelitian spektrograf (Mokhtar & A. Hamid, 2014). Oleh yang demikian, distribusi bagi jantina lelaki adalah seramai tujuh orang dan dua informan wanita.

Kini, penentuan lokasi dibentuk berdasarkan jarak antara satu lokasi ke satu lokasi yang lain. Sungai Pahang mempunyai kepanjangan sepanjang 459 kilometer. Oleh yang demikian, setiap 51

kilometer sungai<sup>3</sup> tersebut akan dipilih sebuah lokasi kajian untuk diteliti ciri dialeknya. Jumlah lokasi yang ditentukan adalah sebanyak sembilan buah lokasi yang terdiri daripada Tanjung Batu, Mambang, Lubuk Paku, Bangau Tanjung, Kuala Bera, Bukit Nikmat, Mela, Binjai dan Kuala Medang.

Usai penentuan informan dan lokasi kajian, antara perkara yang ditanyakan dalam sesi soal jawab terhadap informan natif di lokasi-lokasi di atas tadi merupakan ujaran setempat bagi padanan 431 perkataan bahasa Melayu standard. Perkataan-perkataan ini dikelaskan mengikut medan semantik anggota tubuh badan manusia, nama binatang darat dan air, nama anggota badan binatang, nama bagi serangga, tumbuh-tumbuhan, nama bagi alatan, warna, emosi, kata panggilan kekeluargaan, perbuatan dan sebagainya.

Kaedah dan teknik lain yang dicadangkan oleh Omar (2015a) antaranya ialah teknik lakonan yang bertujuan membolehkan informan memberikan jawapan berdasarkan situasi yang dilakonan. Pengkaji akan merakamkan bentuk penyebutan informan dalam bentuk simbol bunyi abjad fonetik antarabangsa (IPA). Data yang telah ditransliterasi akan dianalisis

---

<sup>3</sup> Penetapan jarak 51 kilometer bagi setiap lokasi adalah berdasarkan pembahagian secara rata antara sembilan buah lokasi kajian sepanjang 459 kilometer. Ia bukanlah angka tetap atau wajib, tetapi ditentukan mengikut jumlah kawasan tumpuan dan batas kawasan kajian. Tujuan pembahagian ini adalah untuk memastikan penyebaran data yang konsisten dan mencakupi keseluruhan kawasan kajian secara menyeluruh.



menggunakan kerangka teori rekonstruksi seperti diringkaskan dalam penyusunan kerangka kerja teori Crowley dan Bower (2010) dalam Zaidi, Aman, A. Hamid, dan Shafie (2023).

### Kerangka Teori Rekonstruksi

Rekonstruksi fonem merupakan suatu usaha untuk mengembalikan gambaran bentuk fonem purba kala yang tidak pernah direkodkan (Omar, 2019). Kajian memerhatikan dari sudut perbezaan fonologi terhadap dialek-dialek semasa kerana dialek sedia ada pada masa kini menurunkan sebahagian besar ciri-ciri fonologi daripada leluhur, iaitu bahasa purba (Bynon, 1994). Untuk merekonstruksi, kajian mengguna pakai rangka kerja Crowley dan Bower (2010, m.s. 79-92). Pengkaji perlu melalui empat fasa, iaitu seperti berikut:

1. penyediaan set data,
2. penapisan kognat,
3. perekonstruksian dan
4. pengaplikasian prinsip rekonstruksi.

Pertama, pengkaji terlebih dahulu perlu memiliki set data. Ia merupakan bentuk penyebutan yang dipungut di lapangan. Ia terdiri daripada bentuk yang dipungut sendiri oleh pengkaji dan juga dalam bentuk

set data yang dipungut oleh pengkaji lain. Kemudian, langkah yang kedua ialah pengkaji perlu memastikan kosa kata yang dituturkan oleh semua lokasi kajian memiliki kesamaan dari sudut fonologi dan semantik. Sebagai contoh, pengkaji masih boleh menganggap [misə], [misɛ] dan [misə<sup>ə</sup>] yang merujuk ‘bulu di bahagian atas bibir’ sebagai leksikal yang kognat berbanding [uŋkə] dan [tənəkəh] bagi glos ‘ungka’ yang bukan kognat atas perbezaan yang sangat ketara dari sudut fonologi. Data yang sepadan dari segi fonologi dan semantik adalah penting supaya pengkaji dapat melakukan penentuan fonem yang akan direkonstruksikan dengan teliti.

Ketiga, pengkaji perlu memiliki satu platform penapisan dan penentuan fonem purba yang dikenali sebagai perangkat kesepadanan bunyi (Crowley & Bower, 2010).

Jadual 1 memaparkan contoh perangkat kesepadanan bunyi, menggunakan variasi ‘hijau’ dalam dialek Melayu Sungai Pahang. Pertama, bayangkan usaha perekonstruksian ini seperti pilihan raya presiden. Sudah tentu, yang memiliki banyak sokongan lebih layak untuk diangkat sebagai pemimpin. Bunyi /i/ yang seragam pada baris pertama perangkat kesepadanan memaparkan kekuatan /i/ yang dimiliki dalam glos *hijau* ini. Hal ini membenarkan pengkaji untuk

Jadual 1  
Perangkat kesepadanan bunyi

	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8	L9	*
/	i	i	i	i	i	i	i	i	i	/
/	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	dʒ	/
/	ɐ	ɐ	ɐ	ɐ	o	o	o	ɐ	o	/

merekonstruksi /i/ sebagai salah satu fonem purba yang terdapat dalam leksikal purba yang akan sebentar lagi direkonstruksikan.

Kemudian, baris perangkat kesepadanan kedua memaparkan kesejajaran realisasi letusan langit keras /dʒ/ memaparkan ciri yang refleksi kepada bentuk asal leksikal purba. Setakat ini, kajian tiada masalah untuk merekonstruksi \*i- dan \*-dʒ- atas faktor realisasi yang seragam pada semua lokasi kajian. Seterusnya, pada baris ketiga, kajian menghadapi satu situasi apabila terdapat dua variasi penyebutan, iaitu /ɛ/ dan /ɔ/. Untuk menentukan fonem yang sesuai untuk direkonstruksi, kajian ini menegaskan semula bahawa konsep pemilihan seperti dalam perenggan sebelumnya masih lagi relevan. Berdasarkan pemerhatian, /ɛ/ dilihat lebih layak untuk direkonstruksi sebagai \*ɛ.

Berdasarkan penerangan ringkas ini, secara hipotesis awalnya, kajian telah berjaya untuk merekonstruksi fonem purba pada posisinya yang tertentu. Sebagai contoh, vokal purba DMPP \*i jika disandarkan kepada perangkat kesepadanan bunyi dalam Jadual 1 akan memperlihatkan kehadirannya pada posisi awal kata, manakala, konsonan \*dʒ pula hadir pada posisi tengah kata. Kemudian, bagi vokal \*ɛ, fonem purba ini hadir pada posisi akhir kata. Untuk menentusahkan kehadiran mereka pada semua posisi dalam kata (awal, tengah dan akhir suku kata), maka kajian akan menguji semua set data yang diperoleh di lapangan bagi memastikan kehadiran fonem purba mampu hadir secara sistematik dalam leksikal DMSP.

Perekonstruksian ini bukan sekadar berdasarkan majoriti = menang. Ia perlu berpandukan beberapa prinsip asas lain yang membantu para pengkaji merekonstruksi fonem-fonem dengan lebih sistematik dan objektif. Prinsip-prinsip lain yang dipetik daripada Crowley dan Bowern (2010) adalah seperti berikut:

1. Sebarang rekonstruksi harus melibatkan perubahan bunyi yang munasabah, kecuali terdapat bukti kukuh yang menunjukkan sebaliknya.
2. Sebarang rekonstruksi juga harus melibatkan perubahan yang sesedikit mungkin antara bahasa proto dengan bahasa-bahasa turunan.
3. Rekonstruksi perlu mengisi kekosongan dalam sistem fonologi, dan bukan mencipta sistem yang tidak seimbang.
4. Sesuatu fonem tidak seharusnya direkonstruksi dalam bahasa proto melainkan ia benar-benar diperlukan berdasarkan bukti daripada bahasa-bahasa turunan.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil rekonstruksi konsonan dialek Melayu Pahang purba (DMPP). Penulisan ini secara khusus memaparkan bentuk leksikal proto sebagai hasil akhir kajian untuk menggambarkan kehadiran konsonan-konsonan purba yang terkandung dalam leksikal-leksikal DMPP. Pendekatan ini diambil kerana memasukkan ciri penyebutan tempatan bagi setiap varian untuk setiap leksikal bukan sahaja memerlukan ruang

yang lebih besar, tetapi juga berpotensi menyempitkan analisis kepada kehadiran satu jenis leksikal sahaja dalam pelbagai varian dialek Melayu Pahang.

Proses rekonstruksi telah menemukan sebanyak 18 fonem konsonan purba yang terdiri daripada \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ɲ, \*ŋ, \*tʃ, \*dʒ, \*s, \*h, \*y, \*l, \*j dan \*w. Sebagai perbandingan, Omar (2015b, m.s. 439) menyatakan bahasa Melayu induk (BMI memiliki 19 fonem konsonan. DMPP tidak berjaya merekonstruksi bentuk BMI \*ʔ, namun memiliki kesemua fonem proto yang terdapat di dalamnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Kini, kajian akan melihat taburan fonem konsonan purba dalam taburan dalam perkataan yang telah dibentuk semula berdasarkan kerangka rekonstruksi Crowley dan Bower (2010). Kajian berjaya merekonstruksi bunyi DMPP \*p atas faktor kehadirannya pada tiga posisi, antaranya awal, tengah dan akhir kata berdasarkan leksikal-leksikal purba. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa

kehadiran DMPP \*b hanya terbatas pada dua posisi dalam kata sahaja iaitu awal dan tengah kata. Perkara ini dapat dirujuk dalam Jadual 3.

Rekonstruksi leksikal \*bətək, \*kəmbo, dan sebagainya seperti dalam Jadual 3 membuktikan bahawa /b/ dalam dialek Melayu Pahang wujud sebagai satu fonem yang autonom. Oleh yang demikian, kajian merekonstruksi semula binaan proto DMPP /b/ sebagai \*b. Dalam bahasa Melayu standard (BMS) ataupun beka Melayu, ia merupakan suatu yang asing sekiranya /b/ wujud pada posisi akhir kata. Omar (1991) berkata, kewujudan /b/ pada posisi akhir kata hanya berlaku bagi perkataan asing yang dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu seperti glos *kelab* yang dipinjamkan daripada bahasa Inggeris *club*. Menurut Deterding et al. (2022), penghasilan bunyi /b/ pada posisi akhir kata dalam bahasa Melayu tidak seperti penyebutan asli bahasa sumber. A. H. et al. (2012) menyatakan bahawa penutur bahasa Melayu lazimnya menyuarkan akhiran /b/ bagi kata pinjaman

Jadual 2  
*Inventori fonem dialek Melayu Pahang Purba<sup>4</sup>*

	Bibir		Gigi Gusi		Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Anak Tekak	Glottis
Hentian	*p	*b	*t	*d		*k	*g	
Sengauan	*m			*n	*ɲ	*ŋ		
Letusan			*tʃ	dʒ				
Geseran				*s	*y			*h
Sisian				*l				
Semi vokal	*w				*j			

<sup>4</sup> Penelitian ini secara sengaja memasukkan daerah artikulasi anak tekak dalam inventori DMPP. Perincian lebih mendalam mengenai aspek ini akan dibincangkan dalam halaman-halaman berikut, khususnya ketika kajian memasuki topik rekonstruksi \*y.

Jadual 3

Taburan \*p dan \*b dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*p	Awal kata	DMPP *pəneh *pənde *pəsu *pəte *pəkik
	Tengah kata	DMPP *ləpə *kapo *ipo *dəpə *əmpət
	Akhir kata	DMPP *sudip *tiop *juwep *lipəs *ləkəp
*b	Awal kata	DMPP *bətok *bəwo *bləŋe *bəlut *bəduk
	Tengah kata	DMPP *kəmbə *kəybo *kətumbo *subo *həmbə

Sumber: Data berdasarkan kajian ini

Jadual 4

Taburan \*t dan \*d dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*t	Awal kata	DMPP *tigə *təməlīje *tiko *tuə *tumet
	Tengah kata	DMPP *ute *bətə *butə *dətə *itə
	Akhir kata	DMPP *əmpət *əjot *bəlut *tumit *sihət
*d	Awal kata	DMPP *dəne *dəpə *dije *dule *duduk
	Tengah kata	DMPP *sudip *tədi *tido *ido *kudə

Jadual 5

Taburan \*k dan \*g dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*k	Awal kata	DMPP *kudə *kəki *kəkək *kəpo *kətə
	Tengah kata	DMPP *dʒənke *ike *mukə *pəkək *səkət
	Akhir kata	DMPP *duduk *itik *kəkək *mijək *jəmuk
*g	Awal kata	DMPP *gile *gədʒəh *gəmbə *gile *gule
	Tengah kata	DMPP *təŋge *tigə *dəgu *gigi *dʒiŋge

ini dengan sifat yang menyerupai sistem fonologi bahasa Melayu.

Fonem \*t direkonstruksi berdasarkan penyebarannya pada posisi awal, tengah kata dan akhir kata. Walau bagaimanapun, kewujudannya pada akhir kata adalah bersumberkan kepada kehadiran alofon hentian glotis [ʔ]. Kemudian, bagi fonem purba \*d pula, kajian berjaya membina semula berdasarkan bukti kehadirannya pada posisi awal dan tengah kata seperti yang diringkaskan dalam Jadual 4.

Seterusnya, konsonan hentian \*k dalam Jadual 5 berjaya dibentuk semula berdasarkan bukti penyebarannya pada posisi awal dan tengah kata, namun pada posisi akhir kata, realisasi [ʔ] menggantikan bunyi tersebut. Walau bagaimanapun, bunyi alofon tersebut tidak dinilai sebagai fonem. Oleh yang demikian, ia direkonstruksikan sebagai \*-k dalam DMPP \*k. Manakala, bagi fonem hentian terakhir, ia direkonstruksikan sebagai \*g berdasarkan bukti penyebarannya pada posisi awal dan tengah kata dalam DMPP direkodkan dalam Jadual 5.

Jadual 6

Taburan \*m dan \*n dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*m	Awal kata	DMPP *mendi *metə *mino *mimpi *mətuwe
	Tengah kata	DMPP *dʒembə *kembə *kəmbə *ləmpə *ləməh
	Akhir kata	DMPP *ŋewo *pɪtə *yue *təne *tuwe
*n	Awal kata	DMPP *ne *nəŋis
	Tengah kata	DMPP *təne *endʒe *bunuh *dəne *dʒinte
	Akhir kata	DMPP *təwo *təŋe *təmpəje *əwe *ute

Jadual 7

Taburan \*ŋ dan \*ŋ dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*ŋ	Awal kata	DMPP *ŋemuk *ŋeŋi *ŋele
	Tengah kata	DMPP *eŋut *səŋep *təŋə *kəŋet
*ŋ	Awal kata	DMPP *bəwo *ŋilu *ŋuawep *ŋeŋe
	Tengah kata	DMPP *ləŋe *tiŋkəp *suŋe *tiŋə *tuŋku
	Akhir kata	DMPP *ləle *yente *yənə *seje *ude

Fonem nasal purba seperti dalam Jadual 6 dan 7 terdiri daripada fonem \*m, \*n, \*ŋ dan \*ŋ. Pembentukan semula fonem tersebut adalah berdasarkan kepada taburannya dalam leksikal purba seperti yang disenaraikan dalam Jadual 6.

Jadual 6 memaparkan ciri dan taburan fonem konsonan nasal \*m dan \*n dalam DMPP. Sekiranya diimbaz semula, lingkungan konsonan nasal bagi /m/ dan /n/ subdialek Pekan yang diungkapkan oleh Omar (2015b) adalah pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Sekiranya diperhatikan dalam Jadual 6 dan 7, posisi \*m dan \*n DMPP adalah pada posisi awal dan tengah kata. Kajian ini mendapati taburan konsonan nasal seperti /m/ dan /n/ tidak seperti yang dilaporkan dalam Omar (2015b) dan Saari et al. (2022) yang menyatakan konsonan nasal boleh wujud pada posisi akhir suku kata tertutup.

Tiada isu berkaitan ciri penyebaran DMPP \*ŋ kerana ia mirip dengan ciri penyebaran MP \*ŋ. Namun, bagi DMPP\*ŋ, bentuk penyebarannya condong kepada bentuk penyebaran DMPP \*m dan \*n apabila kehadirannya terbatas pada posisi awal dan tengah kata. Leksikal purba yang berjaya dibina semula seperti DMPP \*ləle yang merujuk kepada *lalang* dan DMPP \*yente bagi *ranting* merupakan contoh signifikan pengguguran konsonan nasal di kebanyakan varian sepanjang lokasi penelitian. Ringkasan bagi kedua-dua konsonan nasal purba DMPP \*ŋ dan \*ŋ dapat diperhatikan dalam Jadual 7.

Letusan purba dalam DMPP hanya terdiri daripada bunyi \*tʃ dan \*dʒ. Penyebaran konsonan tersebut jelas pada posisi awal dan tengah kata dalam leksikal purba seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8.

Jadual 8

Taburan \*tʃ dan \*dʒ dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*tʃ	Awal kata	DMPP *tʃəkəp *tʃəmpək *tʃəŋkəyik *tʃeɣek *tʃutʃu
	Tengah kata	DMPP *tʃutʃu *kutʃe *kəntʃe *məntʃis *putʃuk
*dʒ	Awal kata	DMPP *dʒəle *dʒətuh *dʒiŋgə *dʒənkə *dʒube
	Tengah kata	DMPP *idʒe

Jadual 9

Taburan \*s dan \*h dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*s	Awal kata	DMPP *sio *sue *sudip *sue *suke
	Tengah kata	DMPP *piso *yiso *besə *bise *biso
	Akhir kata	DMPP *bəyəs *biyəs *lipəs *məntʃis *yueəs
*h	Awal kata	DMPP *yuewe *ido *idʒe *ile *ite *eyi
	Tengah kata	DMPP *dehe *pyewu *tewo *sməjə *sihet
	Akhir kata	DMPP *dʒətuh *kəpəh *ləbəh *meyəh *putih

Seterusnya, fonem konsonan geseran \*s dan \*h dapat dibentuk semula berdasarkan taburan penyebarannya dalam leksikal purba seperti yang dipaparkan dalam Jadual 9. Kehadiran \*s adalah pada semua posisi, namun kehadiran [h] pada posisi akhir menggantikan DMPP \*s adakah lazim dalam kebanyakan dialek Melayu terutama dialek Pahang (Hasrah et al., 2014, m.s. 98).

DMPP \*h dibentuk semula berdasarkan kehadirannya pada dua posisi, iaitu tengah dan akhir kata dalam varian DMPP. Jika disandarkan kepada dapatan Omar (2015b, m.s. 299-300), konsonan /h/ akan hadir pada posisi awal kata apabila ia diapitkan dengan kata imbuhan sebagai contoh, glos BMS *hidang*—subdialek Pekan [idəŋ], glos BMS *berhidang*—subdialek Pekan [bəhidəŋ]. Namun, ia tidak menjadikan DMPP \*h wujud pada posisi hadapan kerana kehadiran yang didahului sesuatu morfem

akan mematikan sifat kehadirannya pada posisi awal kata (Jadual 9).

Lembangan tengah hingga ke hulu Sungai Pahang seperti di kawasan Kuala Bera, Bukit Nikmat, Mela, Binjai dan Kuala Medang mempunyai variasi akhiran BMS /h/ kepada /x/. Sebagai contoh, perkataan dalam BMS seperti *lengkuas* direalisasikan sebagai [ləŋkuw(ə/e)x]. Walau bagaimanapun, ciri ini tidak sejajar dengan semua perkataan BMS yang berakhir dengan rangkap [Vh] dan sentiasa bertukar-tukar dengan kehadiran /h/ pada posisi berkenaan dalam varian-varian tersebut. Oleh yang demikian, atas faktor ketidaktentuan kehadirannya pada akhir kata, maka /x/ hanyalah alofon kepada /h/ pada posisi akhir kata.

Jadual 10 memaparkan distribusi fonem \*ɣ yang sejajar dengan ciri MP \*r. Distribusinya dapat diperhatikan secara jelas iaitu pada posisi awal dan tengah kata.

Jadual 10

Taburan \*ɣ dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*ɣ	Awal kata	DMPP *ɣeme *ɣiso *ɣue *ɣente *ɣəne
	Tengah kata	DMPP *tiɣi *səkəɣe *eɣe *bəɣəs *eɣi
	Akhir kata	DMPP *semo *subo *sulo *tido *tiko

Jadual 11

Taburan \*l dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*l	Awal kata	DMPP *ləlet *ləme *ləmpə *ləmeh *lədeh
	Tengah kata	DMPP *puluh *koləh *ulo *sulo *tulət
	Akhir kata	DMPP *sio *kəntʃe *biso

Namun, pada posisi akhir kata, padanan MP \*r ini tidak hadir menjadikan MP \*-r > DMPP -ø#. Tuntasnya, terdapat dua jenis inovasi yang wujud ke atas MP \*r iaitu perubahan bunyi daripada \*r > \*ɣ dan juga inovasi batas penyebaran iaitu daripada MP \*-r > DMPP -ø#. Rujuk bentuk penyebaran DMPP \*ɣ dalam Jadual 10.

Dalam masa yang sama, DMPP \*ɣ juga berkongsi bunyi yang sejajar dengannya. Dalam konteks varian DMPP, terdapat dua jenis MP \*r yang direalisasikan sebagai /ɣ/ dan /ʁ/. Fonem /ʁ/ ialah ciri unik yang hanya wujud di kawasan hulu Sungai Pahang. Contoh leksikal yang mengandungi konsonan ini termasuk [ʁəbə], [ʁiso], [tʃeʁeʔ], [gəʁu], dan [ʁbi]. Walaupun /ʁ/ hadir sebagai fonem, ia hanya terbatas pada dua lokaliti, iaitu Binjai dan Kuala Medang. Disebabkan penyebaran /ʁ/ yang sangat terhad dari sudut lokaliti, kajian ini memilih untuk merekonstruksi fonem yang lebih dominan, iaitu /ɣ/, sebagai \*ɣ.

Hanya terdapat satu sahaja fonem sisian purba, iaitu fonem \*l yang penyebarannya

terbatas pada posisi awal dan tengah kata. Pada posisi akhiran, \*l mengalami proses pengguguran tanpa wujud padanan alofon [ʔ] ataupun [h] seperti yang berlaku ke atas fonem \*p, \*t, dan \*k. Namun begitu, ketidakhadiran \*l pada posisi akhir kata di bawah DMPP selari bentuknya dengan ketidakhadiran \*m, \*n dan \*ŋ pada posisi yang sama. Fonem bersuara pada posisi akhir kata lazimnya mengalami apokope; suatu inovasi yang berlaku pada Dialek Melayu Pahang. Perihal ini telah diringkaskan dalam Jadual 11.

Hasrah et al. (2014, m.s. 105-106) mengembangkan konsep rekonstruksi Adelaar (1992) dengan merekonstruksikan bunyi \*w dan \*j. Pendekatan ini didasarkan pada tanggapan bahawa fonem /j/ dan /w/ berakar kepada unsur vokal /i/ dan /u/. Kehadiran kedua-dua fonem tersebut pada posisi awal kata diandaikan sebagai hasil binaan, contohnya /ia/ bagi 'yaitu' dan 'yang', serta /ua/ bagi 'wang' dan 'wanita'.

Sebaliknya, Blust et al. (2023) tetap merekonstruksi /j/ dan /w/ dengan keyakinan

bahawa taburan penyebarannya tidak terbatas di tengah kata, tetapi juga meliputi posisi awal kata. Dalam hal ini, Deterding (2022) menegaskan bahawa binaan fonemik bahasa Melayu harus berbentuk KVKVK. Oleh itu, sekiranya Adelaar menganggap glos BMS seperti [iaŋ] (yang) sebagai struktur standard, ia akan bertentangan dengan konsep asas binaan bahasa Melayu. Omar (2015b, m.s. 455) turut mendukung rekonstruksi /w/ dan /j/ pada posisi awal kata, dengan alasan bahawa penyebarannya dapat ditemukan dalam posisi tersebut di kebanyakan dialek Melayu.

Kajian ini harus mengambil pendekatan yang lebih dekat dengan binaan BM kerana DMPP merupakan terbitan daripada bahasa Melayu. Perlu untuk diketahui bahawa binaan yang disusun Adelaar juga sedikit terbatas dari sudut leksikal. Hal ini kerana rujukan beliau hanya berdasarkan kamus yang disusun oleh pendeta Inggeris. Sekiranya beliau dekat dengan masyarakat Melayu yang menetap di kawasan-kawasan hulu, semestinya beliau mampu menjumpai lebih banyak leksikal yang banyak memaparkan bukti kewujudan /w/ dan /j/ pada posisi awal kata. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, \*w dan \*j tidak hanya terdapat pada posisi tengah kata tetapi juga pada posisi awal kata. Rujuk dapatan tersebut dalam Jadual 12.

Taburan fonem konsonan dalam dialek Melayu Sungai Pahang konsisten pada posisi awal kata melainkan DMPP \*h yang dilihat terbatas kehadirannya pada posisi tengah dan akhir kata. Konsonan-konsonan lain seperti \*p, \*t, \*k dan \*s antara fonem yang hadir pada semua posisi meskipun dibayangi dengan kehadiran alofon [-ʔ] atau [h] pada posisi akhir kata. Walaupun DMPP berjaya membina semula \*h sebagai fonem proto, kehadirannya sebagai alofon pada posisi akhir kata dalam binaan BMS, yang menggantikan bunyi /s/, tidak cukup untuk mengeluarkan /s/ daripada inventori konsonan purba DMPP.

Kedadaan ini berbeza dengan /ɣ/ dan /ʁ/ apabila kewujudannya adalah selari pada dua posisi. Situasi untuk membenarkan /ɣ/ dan /ʁ/ diangkat sebagai fonem purba hanya sah dan dapat diterima sekiranya /ʁ/ hadir dengan lebih banyak dalam varian DMPP. Namun, kekangan kehadiran konsonan tersebut yang hanya wujud di utara kawasan Sungai Pahang menjadikan rekonstruksi berdasarkan kewujudannya semata-mata tidak memadai, melainkan wujud bukti penggunaannya pada bahagian lain di kawasan yang dikaji. Maka, isu berkaitan /ʁ/ selesai dengan tanggapan bahawa ia wujud sebagai fonem di utara Sungai Pahang, namun tidak diangkat sebagai fonem purba

Jadual 12  
 Taburan \*w dan \*j dalam DMPP

Fonem Purba	Posisi	Taburan konsonan purba
*w	Awal kata	DMPP *we
	Tengah kata	DMPP *lewut *ŋewo *bewo
*j	Awal kata	DMPP *ju
	Tengah kata	DMPP *eje *boje *gejo *elijə *keju



Jadual 13

*Ringkasan penyebaran konsonan purba DMPP dalam kata*

Fonem	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
*p	/p-/	/-p-/	[-ʔ]
*b	/b-/	-b-/	
*t	/t-/	/-t-/	[-ʔ]
*d	/d-/	/-d-/	
*k	[k-/	/-k-/	[-ʔ]
*g	/g-/	/-g-/	
*m	/m-/	/-m-/	∅
*n	/n-/	/-n-/	∅
*ɲ	/ɲ-/	/-ɲ-/	∅
*tʃ	/tʃ-/	/-tʃ-/	
*dʒ	/dʒ-/	/-dʒ-/	
*s	/s-/	/-s-/	[-h]
*ɣ	/ɣ-/	/-ɣ-/	
*h	∅	/-h-/	/-h/
*l	/l-/	/-l-/	∅
*w	/w-/	/-w-/	
*j	/j-/	/-j-/	

atas faktor keterbatasan dari sudut kuantiti penyebaran bagi varian di bawah cabang DMPP. Rujuk distribusi fonem-fonem konsonan DMPP dalam Jadual 13.

## PERBINCANGAN

Dua perkara mampu dikupas secara kritis dalam bahagian ini yang berkaitan rapat dengan kepelbagaian dapatan berbanding rujukan-rujukan terdahulu. Selain itu, pengkaji juga membahaskan berkaitan input terkini penelitian diakronik Sungai Pahang dan saranan untuk kajian pada masa hadapan.

### Kepelbagaian Dapatan Fonologi dengan Rujukan Dahulu

Terdapat beberapa isu fonologi yang perlu diberi perhatian, antaranya dapatan Omar

(2015b, m.s. 296-299) mengenai kehadiran konsonan sengauan /m/, /n/, dan /ɲ/ pada posisi akhir kata dalam subdialek Pekan. Dapatan ini menimbulkan keraguan kerana dua lokasi kajian, iaitu Tanjung Batu dan Mambang (yang terletak di kawasan Pekan), memaparkan fenomena sebaliknya.

Untuk memastikan laporan Omar (2015b) bersifat homogen di beberapa lokasi sepanjang Sungai Pahang, pengkaji telah merujuk dapatan yang sama di kawasan Temerloh. Namun begitu, perbincangan tersebut terlalu ringkas dan tidak menyentuh banyak aspek, terutama aspek berkaitan varian konsonan nasal di posisi akhir kata. Namun begitu, hasil rekonstruksi kajian ini menunjukkan bahawa dialek Melayu di kawasan Sungai Pahang memiliki ciri [-nasal] pada posisi berkenaan.

Saari et al. (2022) pernah melaporkan kehadiran konsonan nasal pada posisi tersebut. Beliau mengemukakan bukti kehadiran konsonan nasal /m/ dalam kata [a.jam]. Walau bagaimanapun, kajian beliau bersama Kasdan et al. (2019) telah menunjukkan pertentangan apabila responden secara dominannya memilih bentuk pengujaran yang memiliki unsur [-nasal] pada posisi akhir kata dalam varian Pekan-Maran. Pengekalan konsonan nasal pada posisi akhir kata hakikatnya menyerupai BMS dan ia lebih condong kepada bentuk dialek Melayu Johor-Riau dan dialek-dialek di sekitar pantai barat Semenanjung Malaysia.

Aliran Sungai Pahang bermula di kawasan pantai timur yang menghubungkan sungai di kawasan Terengganu dan Kelantan serta jalan perhubungan menuju ke arah kawasan varian Perak dan Kedah. Hal ini menjadikan dialek-dialek yang dituturkan di kawasan Sungai Pahang memiliki ciri-ciri dialek varian Terengganu (Collins, 1989; Zaidi, 2018), dialek Kelantan (Karim & Ibrahim, 1977), dialek Perak dan dialek Kedah (Hussein, 1973).

### **Status Terkini Penelitian Diakronik Sungai Pahang**


Penerapan linguistik bandingan ke atas varian DMPP telah dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu. Kajian Zaidi et al. (2021), Zaidi, Aman, dan A. Hamid (2023), dan Hasrah et al. (2014) berkongsi ciri yang sama khusus berkaitan bentuk purba dialek di kawasan masing-masing. Jika dibandingkan, tiada perbezaan antara

kajian-kajian lalu dengan kajian masa kini kerana ketiga-tiga bentuk purba sama ada bersifat mikro ataupun makro, keduanya memiliki ciri konsonan purba yang sama. DMPP secara amnya merupakan binaan dialek Pahang purba tinggi jika ingin dibandingkan dengan DHPP dan LTSP. Hal ini kerana lokasi penelitian meliputi sebahagian besar Sungai Pahang bermula dari kawasan Pekan, Maran, Temerloh, Jerantut dan Lipis. Daripada penelitian ini, didapati bahawa jumlah konsonan antara binaan DMPP dengan dua di bawah cabangnya berkongsi bilangan yang sama. Meskipun memiliki jumlah fonem konsonan yang sama, namun DMPP (selari dengan DHPP dan LTSP) dalam memiliki distribusi konsonan purba yang agak berbeza dengan binaan yang jauh lebih tinggi seperti binaan Malayo-Polinesia Purba (MPP).

Pertama, ketidakhadiran konsonan nasal terutama \*m, \*n, \*ŋ pada posisi akhir kata merupakan suatu perkara yang terserlah dalam penelitian ini. Kata kognat yang dimanfaatkan dalam analisis data memaparkan keseragaman yang tinggi apabila \*m, \*n, \*ŋ digugurkan tanpa wujud unsur alofonik. Pembinaan semula konsonan nasal ini telah memberi satu garis pembeza antara ciri dialek Kelantan dengan Terengganu. Berdasarkan Sturrock (1912), akhiran /ŋ/ dalam dialek Kelantan akan hadir dengan unsur alofonik [m] seperti glos *sarong* [sarom] ataupun unsur /n/ terbit sebagai [ŋ] dalam dialek Terengganu seperti glos *perempuan* [pu<sup>w</sup>aŋ] dalam kajian Azmi dan Yusof (2020) menunjukkan bahawa


konsonan nasal akan hadir dalam kedua-dua dialek ini meskipun wujud sebagai alofon.

Ketiadaan konsonan nasal pada akhir kata menunjukkan DMPP berinovasi daripada binaan Malayo-Polynesian-Proto (MPP). Terdapat pelbagai bukti tentang kewujudan \*m, \*n dan \*ŋ dalam MPP seperti \*dahun \*balan, dan sebagainya. Dibandingkan pula dengan binaan yang terkemudian daripadanya, iaitu Malayik-Proto (MP), dilihat masih lagi mengekalkan bentuk-bentuk konsonan nasal tersebut yang diturunkan kepadanya. Walau bagaimanapun, ketidakhadiran konsonan-konsonan ini dalam binaan DMPP pada posisi akhir kata menyebabkan teretusnya satu jalur pembeza antara MPP>MP dengan DMPP seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Inovasi yang berlaku ke atas DMPP \*m, \*n dan \*ŋ (Sumber: Kesimpulan daripada kajian lalu<sup>5</sup> dan kajian kini)

dalam bahasa-bahasa turunan. Pada binaan terdahulu seperti MPP melaporkan taburan konsonan \*w dan \*j pada posisi awal dan tengah kata. Kemudian, pada binaan yang terkemudian seperti MP, kehadiran kedua-dua fonem tersebut hanya terbatas pada posisi tengah kata sahaja. Walau bagaimanapun, DMPP melaporkan bahawa \*w dan \*j wujud pada posisi awal dan tengah kata seperti binaan MPP. Menariknya lagi, binaan mikro DMPP seperti DHPP (Hasrah et al., 2014) dan DLTSP (Zaidi et al., 2021; Zaidi, Aman, & A. Hamid, 2023) mempunyai taburan \*w dan \*j yang terbatas. Kronologi kehadiran \*w dan \*j dalam bahasa proto turunan Austronesia ini dapat diringkaskan dalam Rajah 2.



Rajah 2. Ketidaktentuan kehadiran \*w dan \*j dalam MPP>MP>DMPP>DHPP, DLTSP (Sumber: Kesimpulan daripada kajian lalu<sup>6</sup> dan kajian kini)

Kedua, berkaitan dengan kehadiran \*w dan \*j yang agak unik taburannya

Punca kepada permasalahan ini ialah kelemahan dalam menyusun metode

<sup>5</sup> Adelaar (1992), Blust et al. (2023), Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021)

<sup>6</sup> Adelaar (1992), Blust et al. (2023), Hasrah et al. (2014), Zaidi et al. (2021)

pencuplikan data lapangan dengan menyeluruh dan teliti. Hakikatnya, perkara ini juga termasuk dalam isu metodologi yang perlu dibincangkan dalam bahagian yang dikhususkan. Sepintas lalu, perkara yang perlu dimaklumi kini ialah model binaan bahasa purba seperti MP, DHPP dan DLTSP telah menghadkan pembinaan semula leksikal purba antara sekitar 200 hingga 220 patah perkataan. Jumlah ini sudah memadai untuk membincangkan taburan konsonan purba dalam binaan proto. Namun, ketiga-tiga model binaan purba ini gagal untuk membincangkan kehadiran \*w dan \*j pada posisi awal kata. Hal ini tidak berkait dengan kemahiran fonologi ataupun asas linguistik pengkaji itu, tetapi lebih berkait rapat dengan set senarai kata yang dibawa di lapangan.

Isu terakhir berkait rapat dengan dapatan fonologi varian DHPP. Kajian Hasrah et al. (2014, m.s. 79, 98-100) telah berjaya merekonstruksi \*ɣ atas keseragaman distribusi konsonan berkenaan pada semua varian hulu Sungai Pahang. Meskipun DMPP tidak berjaya untuk merekonstruksi /ʁ/ sebagai fonem proto, namun kehadirannya seragam bermula dari kawasan Binjai hingga ke kawasan Kuala Medang. Persoalan yang mungkin timbul akibat perbezaan dapatan antara binaan DHPP dengan DMPP mungkin atas faktor hubung kaitnya dengan penempatan masyarakat asing yang telah menetap lebih kurang 340 tahun selepas Kesultanan Melayu Melaka jatuh pada ketika dahulu.

Suatu perkara yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan kependudukan

Rawa di kawasan hulu Sungai Pahang pasca Perang Saudara pada pertengahan abad ke-19 (*Sejarah Padang Tengku*, t.t.) serta kependudukannya di kawasan Perak. Migrasi mereka dari Selangor bertujuan membantu penguasa Pahang merampas kuasa dan jawatan daripada pemerintah di kawasan terbabit. Usai pergolakan di kawasan terbabit, masyarakat Rawa dibenarkan pulang ke Selangor namun mereka memilih untuk menetap di hulu Sungai Pahang. Penting untuk diketahui bahawa masyarakat Rawa merupakan masyarakat yang mempunyai ciri penyebutan seperti dialek Johor-Riau terutama bagi padanan BMS “r” kepada /ɣ/. Persoalannya kini, dari manakah asalnya penutur yang merealisasikan bunyi /ʁ/ di kawasan hulu Sungai Pahang?

Seperti Rawa, masyarakat lainnya juga turut bermigrasi apabila wujud keadaan yang mendesak seperti ketidakstabilan hasil dan sumber makanan (Nann, 1982). Migrasi yang dimaksudkan ini dapat dikesan berdasarkan bukti fonologi yang terdapat pada varian hulu Sungai Pahang yakni di sekitar Binjai dan Kuala Medang. Kehadiran /ʁ/ di kawasan hulu Sungai Pahang memaparkan hipotesis pergerakan dan perkembangan kependudukan masyarakat Melayu Kedah (MMK) di kawasan terbabit. Bahkan, dapatan sinkronik Hamzah et al. (2014) menguatkan hujah pergerakan MMK ke bahagian selatan Tanah Melayu apabila ciri fonologi dialek Kedah wujud di kawasan Larut Matang dan Selama, Perak. Walau bagaimanapun, gugusan pergerakan MMK ini sudah berlaku sekian

lama kerana penempatan yang dibuka telahpun menjangkau lebih daripada lima generasi (300 tahun dan ke atas) sedangkan kependudukan Rawa di kawasan hulu Sungai Pahang sekitar 170–175 tahun yang lalu.

Tuntasnya, dapatan diakronik dialek Melayu Sungai Pahang yang telah dibincangkan memaparkan suatu hipotesis pergerakan manusia pada ketika dahulu berpandukan penemuan dari sudut linguistik. Sudah tentu, ia perlu digandingkan dengan bukti-bukti sejarah yang lebih kuat terutama kehadiran dua kelompok besar di kawasan hulu Sungai Pahang. Soalan yang perlu dijawab antaranya adalah berkaitan garis masa kedatangan masyarakat tersebut di kawasan berkenaan dan apakah sebenarnya yang menjadikan mereka bermigrasi ke kawasan hutan belantara seperti hulu Sungai Pahang.

## KESIMPULAN

Penulisan ringkas ini memberi sumbangan kepada pembinaan semula bentuk-bentuk fonem purba dialek Melayu Pahang berdasarkan kerangka teori rekonstruksi. Dapatan menunjukkan bahawa dialek Melayu Pahang Purba memiliki 18 konsonan purba seperti fonem \*p, \*b, \*t, \*d, \*k, \*g, \*m, \*n, \*ŋ, \*tʃ, \*dʒ, \*s, \*ʎ, \*h, \*l, \*j dan \*w. Penelitian ini memungkinkan penentuan hubungan kekerabatan antara Malayik Purba dengan Dialek Melayu Pahang Purba (DMPP) melalui teori klasifikasi. Walau bagaimanapun, penelitian lanjutan hanya dapat dilaksanakan setelah fonem vokal purba DMPP direkonstruksi. Oleh yang

demikian, kajian ini sangat menggalakkan agar aspek fonem vokal purba Dialek Melayu Pahang diteliti bagi membolehkan hubungan jauh dekat antara bahasa-bahasa proto ini dapat dirungkai dengan lebih menyeluruh.

## Implikasi Kajian

Kajian ini mempunyai impak yang signifikan ke atas pengetahuan dalam bidang linguistik dan masyarakat. Usaha rekonstruksi fonem yang dilakukan dalam kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang mendalam mengenai sejarah dan evolusi dialek-dialek Melayu, terutamanya dialek Sungai Pahang dalam konteks bahasa Melayu purba. Proses ini adalah kritikal dalam melengkapkan rekod sejarah linguistik dialek Melayu dan bahasa-bahasa Austronesia secara umum. Dengan menganalisis bentuk purba dialek Sungai Pahang, kajian ini juga memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai status semasa kajian dialek di Semenanjung Malaysia. Kajian dialek di kawasan ini, terutamanya di Pahang, masih lagi dalam skala kecil dan biasanya bersifat kedaerahan. Oleh itu, kajian yang mengaitkan dialek dengan faktor alami membolehkan pemahaman yang lebih tepat dan mendalam.

Kajian ini juga bertujuan membantu masyarakat umum memahami dan menghargai warisan linguistik mereka. Negeri Pahang, dengan fabrik alami yang dinamik, kaya dengan identiti dan sejarah yang panjang. Perubahan bahasa yang dialami oleh penduduknya menjadikan

mereka unik dan perlu dipelihara melalui usaha pendokumentasian sebegini. Kajian rekonstruksi ke atas dialek Sungai Pahang purba tidak hanya menyumbang kepada pengembangan ilmu linguistik, khususnya dalam bidang linguistik sejarah, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pendokumentasian identiti, budaya, dan linguistik masyarakat setempat di Sungai Pahang.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan kepada etnik Melayu yang menetap di kawasan lembangan Sungai Pahang dengan jarak antara sungai dengan penempatan mereka tidak lebih daripada 1 kilometer<sup>7</sup>. Kependudukan etnik Melayu di kawasan sekitar yang menjangkau parameter yang ditetapkan tidak akan diambil kira atas faktor kebarangkalian perbezaan latar belakang sosial antara dua kelompok. Justifikasi pemilihan lokasi ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam latar belakang sosial dan budaya informan yang dapat mempengaruhi variasi kebahasaan. Dengan membatasi kawasan kajian, analisis dapat dijalankan dengan lebih tepat, mengurangkan faktor-faktor luaran yang menyebabkan penyimpangan dalam data linguistik yang dikumpul.

---

7 Radius 1-kilometer ditetapkan untuk memberi tumpuan khusus kepada dialek Melayu Sungai Pahang. Jika kajian melebihi jarak ini, kajian berisiko untuk memasukkan ciri-ciri dialek bukan Sungai Pahang dalam proses analisis dan seterusnya akan memberi kesan kepada usaha pemerhatian distribusi fonologi dan juga perekonstruksian fonem konsonan purba dialek Melayu Sungai Pahang.

Selain itu, analisis rekonstruksi fonem yang dijalankan dalam kajian ini terbatas dalam kerangka kerja Crowley dan Bown (2010). Pemilihan metode ini adalah kerana ia menyediakan garis panduan yang terperinci dan menyeluruh; membolehkan analisis fonologi dan rekonstruksi fonem dijalankan dengan lebih tepat dan mendalam. Fokus penyelidikan Crowley dan Bown yang menggunakan data-data linguistik daripada cabang bahasa Austronesia menambah keterkaitan dan kesesuaian metode ini untuk dimanfaatkan ke atas penyelidikan berkaitan dialek Pahang. Walau bagaimanapun, kaedah lain juga mungkin memberikan hasil yang setara, tetapi kerangka kerja Crowley dan Bown dipilih kerana kesesuaiannya dengan tujuan kajian ini.

### **Cadangan Kajian pada Masa akan Datang**

DMPP dilaksanakan khusus untuk membina semula fonem konsonan purba dengan menggunakan data sinkronik terutama di kawasan di sepanjang Sungai Pahang. Penelitian diakronik ini masih belum selesai kerana terdapat beberapa aspek yang perlu diteliti, terutama fonem vokal dan diftong dalam DMPP. Setelah proses ini selesai, pengkaji boleh merangka penerapan teori klasifikasi ke atas DMPP.

Kajian ini amat menggalakkan penelitian lanjutan di peringkat yang lebih rendah, khususnya di kawasan hulu Sungai Pahang. Walaupun kawasan tersebut telah diteliti dengan menggunakan parameter metodologi yang ditambah baik, pengkaji mampu menemui beberapa dapatan baharu

berkaitan ciri fonologi di beberapa lokasi tumpuan. Lokasi yang perlu diberi fokus bermula dari kawasan Kuala Medang hingga ke lembangan hilir Sungai Tembeling. Hipotesis yang bakal dicapai antaranya adalah seperti pembinaan semula fonem konsonan \**ʁ* dan juga pengukuhan kehadiran /*w*/ dan /*j*/ pada awal kata yang tidak ditemui pada kajian lalu. Hal ini mampu memberi impak kepada pengklasifikasian antara bahasa proto (MPP-MP-DHPP) dengan subvarian di bawah DMPP.

Bagi membolehkan penyebaran /*w*/ dan /*j*/ dikesan dalam bahasa purba terutama di kawasan DHPP, pengkaji perlu menambah bilangan senarai kata yang mempunyai kehadiran semi vokal pada posisi awal kata. Sebagai contoh, pengkaji boleh menambah dan menguji perkataan BMS seperti *wah*, *wai*, *wak*, *wak-wak*, *waja*, *wap*, *ya*, *yang*, *yuran* dan tidak terkecuali *waber* (dialek Pekan). Sebagai perbandingan, Halmahera Selatan-New Guinea Barat Proto mempunyai 431 leksikal purba berbanding binaan DHPP yang hanya mempunyai 200 leksikal purba. MP pula mempunyai 713 leksikal purba, dan yang terbanyak dalam kajian linguistik bandingan bawah keluarga Austronesia adalah sebanyak 7,368, iaitu binaan Malayo-Polinesia Barat Purba. Hakikatnya, bilangan leksikal hanya membantu menambahkan inventori perkamusan leksikal purba. Sekiranya pengkaji tidak menyediakan senarai kata yang dapat membantu merekodkan kewujudan /*w*/ dan /*j*/ pada posisi yang ditekankan, maka tidak mustahil kehadiran bunyi berkenaan dalam leksikal purba gagal dikesan dan dibuktikan dek kerana

kelemahan dalam rangka metodologi yang disusun pengkaji itu sendiri.

Kajian turut mencadangkan agar leksikal-leksikal purba DMPP yang telah direkonstruksi dapat dimanfaatkan untuk menguji hubungan kekerabatan antara DMPP dengan MP berpandukan kepada teori klasifikasi. Selain melihat hubungan antara bahasa-bahasa purba, penelitian lanjutan ke atas pengelasan subvarian di bawah DMPP turut dapat dilaksanakan untuk melihat jauh dekat sesuatu subvarian dengan subvarian yang lain. Dari situ, penelitian lanjutan tersebut akan mampu memberi tafsiran berkaitan pergerakan manusia di kawasan Sungai Pahang dengan berpandukan kepada pengklasifikasian fonologi.

Kehadiran konsonan nasal akhir kata sangat dinamik jika disandarkan kepada tiga kajian lalu, namun perkara pertama yang perlu diperhatikan ialah metodologi pensampelan informan. Kajian Maros (2010) memaparkan penguasaan kosa kata bahasa ibunda yang merudum bagi golongan khususnya yang sudah terdedah dengan dunia luar. Hasilnya, penutur yang terdedah kepada bahan pengajaran dan pembelajaran BMS cenderung untuk meninggalkan ciri linguistik yang ada pada bahasa ibunda. Keadaan ini mungkin terjadi dalam kajian Omar (2015b) kerana beliau menyatakan secara jelas bahawa dialek Pekan mengekalkan ciri nasal akhir kata seperti [makan], [bəhidan], [ilan], [idon], [təʔəban], dan sebagainya selaras dengan dapatan Saari et al. (2022).

Melihat kepada faktor pengekaln tersebut, pengkaji menganggap bahawa julat umur informan dan responden dalam mana-

mana kajian pendokumentasian bahasa atau dialek tradisional memainkan peranan penting kerana kompetensi penutur dalam berbahasa ibunda menjadi fokus dan tinggi kebergantungan kesahan data lapangannya untuk dimuatkan dalam inventori kajian bahasa (Chambers & Peter, 2004, m.s. 30). Seandainya pengkaji gagal memainkan peranan penting dalam menapis informan dan mengulang uji data lapangan, maka hasil yang diperoleh dapat dipersoalkan dan juga dapat ke darjah yang tidak dapat diabsahkan (Lemay et al., 2007).

Bagi membolehkan pensampelan data di lapangan memiliki darjah keabsahan dan ketepatan yang tinggi dari sudut pengekal dialek tradisional, julat umur responden atau informan yang terlibat haruslah seperti yang digariskan oleh Chambers dan Peter (2004) ataupun Ayatrohaedi (1979), iaitu dalam julat warga emas. Namun, kajian Kasdan et al. (2019) menetapkan julat umur yang agak besar antara 20-an hingga 70-an. Dari satu pandangan, ia sebenarnya membawa satu nuansa terhadap tahap pemerolehan dan sumber leksikon diperoleh dalam setiap julat umur informan yang dikaji. Kulińska (2019) menyatakan bahawa proses pembelajaran terkini oleh para pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuklah penggunaan teknologi dan juga fungsi kognitif. Ia memberi impak besar terhadap proses pembelajaran yang lebih aktif dan berkesan (Quinn, 1990). Hal ini secara langsung meningkatkan penguasaan BMS berbanding bahasa ibundanya (dialek) seperti yang dapat dilihat dalam kajian Kasdan et al. (2019) apabila terdapat respons yang memilih ciri BMS berbanding bentuk bahasa ibunda.

Dalam konteks Malaysia, BMS diambil sebagai komponen utama bahasa pengajaran di sekolah seliaan kerajaan sejak 1973 ("Bahasa M'sia," 2022). Ia menjadi pesaing kepada penguasaan bahasa ibunda dan diikuti dengan penguasaan bahasa Inggeris dalam pengaplikasian Pengajaran Pembelajaran Matematik dan Sains (PPSMI) pada 2003 dan pasca PPSMI, iaitu The RoadMap bagi 2015 hingga 2025 untuk mengolah dan merombak pendidikan bahasa Inggeris ke arah pembelajaran yang lebih terkini selaras dengan perkembangan dunia ICT dan mobiliti global di peringkat ASEAN (Don, 2015). Hal ini menjadi tujahan kepada pemerolehan dialek terbenam dalam perkembangan dua bahasa ini.

Perkembangan pesat dalam pedagogi dikelola Kementerian Pendidikan Malaysia untuk persediaan generasi yang optimum dengan peredaran masa memberi kesan yang sangat mendalam terhadap pemerolehan dialek ibunda. Kedudukan BMS dan bahasa Inggeris masa kini telah menghimpit kompetensi dialek penutur di kawasan Sungai Pahang menjadikan data yang dipungut oleh Omar (2015b) dan Saari et al. (2022) bersaturasi.

Generasi masyarakat Malaysia kini telah mengorak langkah dalam memperkasakan penggunaan multi bahasa yang sangat dinamik. Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada pola pemilihan informan khusus untuk pencuplikan data dialek tradisional. Oleh yang demikian, untuk memastikan sampel data yang diperoleh menepati fokus dan tujuan kajian, maka pengkaji perlu memastikan informan yang ditemu bual merupakan



individu yang kompeten. Dalam masa yang sama, pengkaji juga perlu mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan ciri dialek individu yang ditemu bual untuk memastikan keberkesanan data yang diperoleh (Schreier, 2013; Smith et al., 2008).

## PENGHARGAAN

Dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada individu-individu yang sudi meluangkan masa, berkongsi pengetahuan dan pengalaman sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Segala sumbangan dan bantuan yang diberikan amatlah dihargai.

## RUJUKAN

- A. H., S., Aman, R., & Hamid, Z. (2012). Kajian akustik realisasi kontras penyuaran bunyi plosif bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2), 745-760.
- Adelaar, K. A. (1992). *Proto-Malayanic: The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics. <https://doi.org/10.15144/PL-C119>
- Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah pengantar*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Azmi, N. S., & Yusof, M. (2020). Kata “kesangatan” dalam frasa adjektif dialek Terengganu. *Jurnal Melayu*, 19(1), 124-148.
- Bahasa M’sia: kerajaan tak berganjak. (1973, September 8). *Utusan Malaysia*, 9. [https://www.utusan.com.my/wp-content/uploads/UMA080973009C-Bahasa-Malaysia-sebagai-pengantar\\_preview.jpg](https://www.utusan.com.my/wp-content/uploads/UMA080973009C-Bahasa-Malaysia-sebagai-pengantar_preview.jpg)
- Bailey, G. (2004). World prehistory from the margins: The role of coastlines in human evolution.

*Journal of Interdisciplinary Studies in History and Archaeology*, 1(1), 39-50.

- Blust, R., Trussel, S., & Smith, A. D. (2023). *Austronesian comparative dictionary*. Zenodo. <https://doi.org/10.5281/zenodo.7741197>
- Bynon, T. (1994). *Linguistik sejarawi* (Mohd. Noor, N. E., Terj.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Karya asal diterbitkan pada 1977)
- Chambers, J. K., & Peter, T. (2004). *Dialectology* (Edisi ke-2). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511805103>
- Che Kob, A. (2008). Subklasifikasi dialek Melayu Patani-Kelantan-Terengganu: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Melayu*, 3, 1-10.
- Che Rosdi, N. H., Aman, R., & A. Hamid, S. (2023). *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan Linguistik Perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983a). Dialek Pahang: Rangka pengenalan (Bahagian akhir). *Jurnal Dewan Bahasa*, 27(1), 99-118.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: Rangka pengenalan (Bahagian pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 27, 7-29.
- Collins, J. T. (1989). Malay dialect research in Malaysia: The issue of perspective. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 145(2/3), 235-264. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003253>
- Collins, J. T. (1999). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T., & Bower, C. (2010). *An introduction to historical linguistics* (Edisi ke-4). Oxford University Press.
- Deterding, D., Gardiner, I. A., & Noorashid, N. (2022). *The phonetics of Malay*. Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781108942836>
- Don, Z. M. (Pnyt.). (2015). *The Roadmap 2015-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://elctc>.

- moe.edu.my/roadmap/The Roadmap 2015-2025.pdf
- Hamzah, S. N., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2014). Variasi dialek Melayu di Perak Utara: Analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 30-46.
- Hasrah, M. T., Aman, R., & A. Hamid, S. (2014). Fossil Dialek Melayu Hulu Pahang. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussein, I. (1973). Malay dialect in the Malay Peninsula. *Jurnal Nusantara*, 3, 69-79.
- Inoue, F. (2010). S-shaped curve of phonological standardization – Six surveys in the Tsuruoka and Yamazoe areas. *Slavia Centralis*, 1, 101-112. <https://doi.org/10.17161/SCN.1808.7329>
- Jiang, Q., Zhang, H., & Sun, M. (2020). Diversification and unification thoughts on the development of dialects. *Proceedings of the third international conference on social science, public health and education (SSPHE 2019)*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200205.005>
- Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., Radzi, H., & Saari, A. K. A. (2019). Variasi kata ganti nama dalam dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis geolinguistik. Dlm. Z. A. Z. Hamzah, F. M. Mohamed Sultan, J. Kasdan, R. Baharudin, & S. Abd Aziz (Pnyt.), *Prosiding seminar linguistik kebangsaan (SLiK2019)* (m.s. 399-411). Persatuan Linguistik Malaysia.
- Kulińska, A. (2019). Upgrading the language learning and teaching process for Zees. *Forum Filologiczne Ateneum*, 1(7), 267-280. [https://doi.org/10.36575/2353-2912/1\(7\)2019.267](https://doi.org/10.36575/2353-2912/1(7)2019.267)
- Lemay, J.-F., Lockyer, J. M., Collin, V. T., & Brownell, A. K. W. (2007). Assessment of non-cognitive traits through the admissions multiple mini-interview. *Medical Education*, 41(6), 573-579. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2923.2007.02767.x>
- Linehan, W. (1928a). Notes on the remains of some ancient brick structures in Pekan district. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 6(4), 78-81.
- Linehan, W. (1928b). Some discoveries on the Tembeling. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 6(4), 66-77.
- Linehan, W. (1930). Notes on some further archaeological discoveries in Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 8(2), 314-317.
- Linehan, W. (1951). Malayan perforated stone discs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 24(3), 73-80.
- Maros, M. (2010). Dialek Pekan: penggunaan dan pengekalannya. *Jurnal Bahasa*, 10(1), 74-97.
- Mokhtar, S., & A. Hamid, S. (2014). Analisis frekuensi asas (F<sub>0</sub>) bunyi vokal bahasa Melayu: Pencerakinan berdasarkan fonetik akustik. *Jurnal Bahasa*, 14(2), 289-300.
- Nann, R. C. (1982). Uprooting and surviving — An Overview. Dlm. N. C. Richard (Pnyt.), *Uprooting and surviving: Adaptation and resettlement of migrant families and children* (m.s. 1-10). Springer. [https://doi.org/10.1007/978-94-009-7734-1\\_1](https://doi.org/10.1007/978-94-009-7734-1_1)
- Karim, N. S., & Ibrahim, T. (1977). *Penyelidikan bahasa di Ulu Tembeling*. Jabatan Pengajian Melayu.
- Omar, A. (1991). *The phonological diversity of the Malay dialects* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2015a). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2015b). *Susur galur bahasa Melayu* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2019). *Rekonstruksi kata dalam bahasa Melayu induk*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Quinn, R. A. (1990). Our progress in integrating modern methods and computer-controlled learning for successful language study. *Hispania*, 73(1), 297-311. <https://doi.org/10.2307/343026>
- Ramli, Z., & Sulaiman, Z. (2017). Penutur Austronesia dan cara penyebarannya: Pendekatan arkeologi, genetik dan linguistik. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 30(2), 59-74.
- Saari, K. A., Jalaluddin, N. H., & Mohamed Sultan, F. M. M. (2022). Analisis vokal /a/ di akhir kata dalam dialek Melayu di hilir Pahang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 22(4), 142-160. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2204-09>
- Schreier, D. (2013). Collecting ethnographic and sociolinguistic data. Dlm. M. G. Krug & J. Schülter (Pnyt.), *Research methods in language variation and change* (m.s. 17-35). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511792519.004>
- Sejarah Padang Tengku* (t.t.). Pusat Ekonomi Digital (PEDi) Rancangan Tanah Pemuda Sungai Ular. <http://rtpsgular.pjk.com.my/index.php/warga-pilm/sosio-ekonomi/pelancongan/643-sejarah-padang-tengku>
- Sierociuk, J. (2021). Dialect — speech of the oral environment. *Studies in Slavic Dialectology*, 23 (In Memory of Lyudmila Eduardovna Kalnyn), 37-52. <https://doi.org/10.31168/2618-8589.2021.23.03>
- Smith, H. J., Chen, J., & Liu, X. (2008). Language and rigour in qualitative research: Problems and principles in analyzing data collected in Mandarin. *BMC Medical Research Methodology*, 8, Artikel 44. <https://doi.org/10.1186/1471-2288-8-44>
- Sturrock, A. J. (1912). Some notes on the Kelantan Dialect, and some comparisons with the Dialects of Perak and Central Pahang. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 62, 1-7.
- Zaidi, M. N. (2018). *Variasi subdialek Nenasi, Pekan Pahang* [Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidi, M. N., Aman, R., & A. Hamid, S. (2021). *Genetik purba dialek Melayu: Di lembangan tengah Sungai Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidi, M. N., Aman, R., & A. Hamid, S. (2023). Reconstruction of proto central of Pahang River phoneme. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 31(1), 361-382. <https://doi.org/10.47836/PJSSH.31.1.19>
- Zaidi, M. N., Aman, R., A. Hamid, S., & Shafie, N. S. (2023). Linguistik sejarah: Tatacara rekonstruksi berdasarkan rangka kerja Terry Crowley dan penerapan pendeskripsian Lyle Campbell. Dlm. M. M. Abdul Rahman, M. N. Jamian, S. Ma'alip, M. Y. Mohd Yusoff, M. G. Hanafiah, K. Abd. Wahab, & C. A. Che Ya (Pnyt.), *Kolokium Siswazah Bitara Melayu 2023 (KOSIMA 2023)* (m.s. 57-58). Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu.